

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 JULAI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 29

Malaysia berpotensi jadi negara berpendapatan tinggi 2027

Malaysia berpotensi jadi negara berpendapatan tinggi 2027

Ekonomi berkembang 4-5 peratus setiap tahun antara 'syarat' capai status

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia berpotensi menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2027 dan seterusnya jika ekonomi berkembang empat hingga lima peratus setiap tahun dan ringgit mengukuh kepada RM4.20 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata ekonomi negara berpotensi berkembang dengan baik dan berada dalam sektor masa depan seperti kemampuan tenaga, pembangunan pusat data dan pengeluaran cip elektronik melengkapi penggunaan sedia ada.

Katanya, potensi Malaysia semangnya ada dengan mengambil kira masa depan dunia yang dikendalikan kecerdasan buatan (AI).

"Masyarakat antarabangsa memberi tumpuan kepada Malaysia sekarang bagi melihat sama ada kita boleh guna kelebihan ini untuk berada di hadapan.



Rafizi menerima buku Banci Ekonomi 2023 daripada Mohd Uzir pada Majlis Peluncuran Penemuan Banci Ekonomi (Be) 2023 di Putrajaya, semalam yang turut dihadiri Nor Azmine. (Foto Aizuddin Saad/BH)

"Kalau kita (ekonomi negara) terus berkembang empat hingga lima peratus setiap tahun dan ringgit mengukuh RM4.20 satu dolar dalam beberapa tahun akan datang, Malaysia akan menjadi negara maju serta berpendapatan tinggi dari 2027 dan seterusnya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Peluncuran Penemuan Banci Ekonomi (Be) 2023 di Putrajaya, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron dan Ketua Perangkawalan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Mengenai potensi Malaysia menjadi kuasa ekonomi Asia atau bergelar Harimau Asia, Rafizi berkata, ukuran untuk digelar status itu bukan dilihat dari segi jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata.

Sebaliknya, beliau berkata, ia perlu mengambil kira unjuran seperti KDNK per kapita, kompleksiti ekonomi, pengeluaran untuk eksport dan kemampuan menjadi hab kewangan antarabangsa.

Sehubungan itu, beliau berkata, tidak ada definisi khusus untuk digelar sebagai Harimau Asia.

Namun, jelasnya lebih mudah mengukur mengikut piawaian

antarabangsa seperti negara berpendapatan tinggi yang lazimnya disamakan dengan negara maju.

Capai status Harimau Asia

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dilaporkan berkata, tinjauan positif daripada pengalaman dan agensi penrafian, disokong angka ekonomi memberangsangkan adalah petunjuk Malaysia sedang mencapai kemajuan ketara untuk mendapatkan semula status Harimau Asia.

Katanya, beliau juga menerima maklum balas positif berhubung prestasi ekonomi Malaysia yang kukuh semasa pertemuan dengan

pelabur dan penganalisis, mereka menyatakan keyakinan mengenai pertumbuhan masa depan negara.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata, Banci Ekonomi 2023 menunjukkan terdapat 1,091,867 pertumbuhan beroperasi pada 2022 dengan kadar pertumbuhan tahunan 2.5 peratus berbanding banci terdahulu dijalankan pada 2016 bagi tahun rujukan 2015 dengan 920,630 pertumbuhan.

Beliau berkata, sejumlah 951,862 pertumbuhan atau 87.2 peratus tertumpu dalam sektor perkhidmatan, diikuti pembinaan (71,062 pertumbuhan atau 6.5 peratus) dan pembuatan (54,505 pertumbuhan atau 5 peratus).

Katanya, sektor pertanian serta perlobongan dan pengkuaran kedua-duanya menyumbang selebihnya, masing-masing dengan 12,998 dan 1,440 pertumbuhan.

"Nilai output kasar bagi keseluruhan sektor ekonomi berjumlah RM3.8518 trilion pada 2022, meningkat 6.4 peratus setiap tahun."

"Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan pertumbuhan kukuh bagi sektor pembuatan dengan 7.5 peratus, menyatkan RM1.8937 trilion berbanding RM1.142 trilion pada 2015 dan didorong subsektor produk petroleum, kimia, getah dan plastik.

"Ini diikuti sektor perkhidmatan yang meningkat 5.7 peratus kepada RM1.4266 trilion serta perlobongan dan pengkuaran naik 6.5 peratus kepada RM204.1 billion 6.5 peratus," katanya.